

Unit Bumiputera Moonlight Bay masih dijual

KUMPULAN Ivory Properties, pemaju projek perumahan mewah Moonlight Bay yang berkonsepkan gaya hidup Méditerranean menawarkan lapan unit villa mewah dan beberapa unit kondominium untuk golongan Bumiputera di Batu Feringghi, Pulau Pinang.

Secara keseluruhannya, projek itu membabitkan pembinaan 70 unit villa mewah empat tingkat dan 20 unit kondominium yang dilengkapi dengan ciri keselamatan, taman rekreasi, kolam renang dan kemudahan sukan dijangka siap Ogos tahun ini iaitu dua bulan lebih awal daripada jadual pembinaan.

Pengaruh projek berkenaan, Murly Manokharan, berkata projek itu didirikan di kawasan seluas 14 hektar berhadapan dengan pemandangan laut yang bercirikan rekaian Eropah Selatan.

Menurutnya, nilai pemba-



MEWAH...model projek Moonlight Bay yang dibangun di Batu Feringghi.

ngunan kasar (GDV) Moonlight Bay dianggarkan melebihi RM190 juta dan perumahan di kawasan berkenaan sesuai untuk pelabur serta pemilik rumah yang inginkan ketenangan dan jauh dari kesibukan kota.

“Semua unit bagi bukan Bumiputera sudah habis dijual, manakala bagi Bumiputera ada lagi lapan unit villa mewah dan beberapa unit kondominium yang belum dimiliki masih lagi dibuka untuk jualan,” katanya.